



# Factsheet ORG07

## WWC Check (Pemeriksaan Bekerja dengan Kanak-kanak)

### Sektor kecergasan dan kesejahteraan

Malay | Bahasa Melayu

Berikut ialah senarai **kategori kerja berkenaan kanak-kanak** yang mungkin berkaitan dengan sektor kecergasan dan kesejahteraan, untuk orang yang ada peranan melibatkan, atau kemungkinan melibatkan, **kontak dengan kanak-kanak dalam tugas biasa** mereka.

Jadual ini hanya sebagai panduan dan tidak semestinya lengkap. Jadual ini tidak termasuk semua keadaan atau jenis. Contoh-contoh yang diberikan juga mungkin ada exemption.

Kategori mungkin termasuk:	Peranan mungkin termasuk:
 4. Khidmat coaching (bimbingan) atau tuisyen persendirian tidak kira jenisnya	<ul style="list-style-type: none"><li>jurulatih persendirian yang mengadakan sesi perseorangan untuk kanak-kanak</li><li>pengajar kecergasan berkumpulan menjalankan kelas yang terutamanya untuk kanak-kanak</li></ul>
 14. Khidmat mengasuh bayi atau menjaga kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"><li>kakitangan creche dan penjaga kanak-kanak</li></ul>
 18. Khidmat hiburan atau majlis untuk kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"><li>kakitangan program cuti sekolah</li></ul>

**Kami menawarkan kelas kecergasan berkumpulan untuk ahli kami, termasuk orang dewasa dan kanak-kanak. Patutkah guru-guru kami semua memohon Working with Children Check?**

Tidak. Kelas yang diiklankan bukan khas untuk kanak-kanak sahaja. Working with Children (WWC) Check hanya dikehendaki jika guru mengajar kelas khas untuk kanak-kanak (misalnya kelas tinju remaja) atau kelas senaman perseorangan untuk seorang kanak-kanak.

Guru yang mengajar kelas kecergasan kumpulan yang diikuti orang dewasa dan kanak-kanak tidak boleh memohon kerana tiada kategori kerja berkenaan kanak-kanak yang sesuai dengan

peranan mereka. Mereka yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak sahaja patut memohon WWC Check.

**Kami telah mengurangkan umur keahlian kami menjadi 16 tahun ke atas.  
Bolehkah kami minta guru-guru kami semua mendapatkan Working with Children Check?**

Tidak. Pekerja/**sukarelawan** yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak sahaja boleh mendapatkan WWC Check.

Majikan mematuhi undang-undang dengan memastikan mereka yang memenuhi takrifan kerja berkenaan kanak-kanak sahaja memohon WWC Check.

**Ibu pejabat kami, yang terletak di negeri lain, minta semua kakitangan kami mendapatkan WWC. Betulkah ini?**

Setiap negeri dan wilayah ada undang-udang WWC sendiri. Di WA, pekerja/sukarelawan yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak sahaja boleh mendapatkan WWC Check.

Semua orang dan organisasi mesti patuh undang-undang yang berkenaan di negeri atau wilayah masing-masing. Hal ini mesti dinyatakan dalam apa jua dasar utama sebuah organisasi.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)